

# KUTKM sasar antara 50 universiti terbaik

Archival News | Utusan Malaysia | 14/12/2005 | Author: ROSNI HASSAN

MELAKA 13 Dis. - Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) telah menggubal satu pelan strategik untuk meletakkan universiti itu sebagai salah satu daripada 50 universiti terbaik di rantau ini menjelang tahun 2015.

Pengerusi Lembaga Pengarah KUTKM, Tan Sri Mohd. Salleh Sulong berkata, pihak universiti kini sedang menjalankan usaha untuk mencapai matlamat tersebut.

Dalam hubungan ini, jelasnya, sistem penyampaian program akademik sama ada di peringkat sarjana muda mahupun pasca siswazah sedang diberi penambahbaikan secara bererusan.

Di samping itu, tambah beliau, tahap kerjasama antara KUTKM dan pihak industri juga sedang dipertingkatkan oleh pihak universiti.

"Antara inisiatif paling terkini yang sedang diambil oleh KUTKM ialah mengadakan pakatan strategik dengan pihak industri ke arah memberi latihan praktikal kepada pelajar KUTKM di kilang-kilang dan premis mereka.

"Kami juga sedang berusaha untuk mengembangkan lagi jaringan kerjasama antara KUTKM dengan universiti-universiti di luar negara," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan aluannya sempena lawatan rasmi Yang diPertua Negeri Melaka, Tun Mohd. Khalil Yaakob ke kampus tetap KUTKM di Durian Tunggal, dekat sini, hari ini.

Mengenai pencapaian KUTKM, Mohd. Salleh berkata, universiti itu telah berjaya mendapat akreditasi daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi semua program diplomasnya dan program ijazah Sarjana Sains Komputer.

Selain itu, tambahnya, akreditasi juga telah diterima daripada Lembaga Jurutera Malaysia untuk program ijazah bagi Fakulti Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer.

"KUTKM kini di peringkat akhir untuk menerima akreditasi dari Lembaga Jurutera Malaysia untuk program ijazah bagi Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Kejuruteraan Pembuatan," ujarnya.

Beliau berkata, sehingga kini terdapat 4,984 pelajar dan 430 kakitangan akademik di KUTKM.

Pihak KUTKM jelas beliau, menasarkankan untuk menambah jumlah pelajar sebanyak 10,000 orang dan kakitangan akademik seramai 1,000 orang menjelang tahun 2010.

Pada masa ini hanya kemudahan untuk dua fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer telah

siap sepenuhnya di kampus induk itu.

Sementara fakulti-fakulti lain beroperasi di Kampus Industri di Tasik Utama, Ayer Keroh, di sini.

(Source : Utusan Malaysia)